

AKHBAR : METRO AHAD

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

## Dua kanak-kanak dikesan hidap kanser setiap hari

**Kuala Lumpur:** Lebih 700 kanak-kanak dan remaja berumur bawah 15 tahun didiagnosis dengan kanser setiap tahun atau secara purata dua kanak-kanak didapati menghidap penyakit itu setiap hari.

Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, melalui kemajuan rawatan sedia ada, peluang pemuliharaan kanak-kanak pesakit kanser adalah tinggi.

Menurutnya, lebih 70 peratus kanak-kanak dan remaja di Malaysia yang mengidap penyakit itu disembuhkan.

Kementerian Kesihatan (KKM) memperluas dan menambah baik fasiliti kemudahan kesihatan sedia ada dalam usaha memberikan rawatan terbaik kepada pesakit kanser, khususnya kanak-kanak.

"Tindakan itu perlu untuk meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak yang mendapatkan rawatan penyakit itu selain memastikan celik terhadap pendidikan kanser," katanya ketika merasmikan Program Karnival dan Kolokium National Childhood Cancer Alliance 2024 di sini, semalam.

Turut hadir 200 pesakit kanser kanak-kanak bersama ibu bapa mereka.

Lebih 70 peratus pesakit kanser kanak-kanak dan remaja di Malaysia sembah

ka.

Katanya, kanser adalah penyakit yang semakin meningkat di Malaysia terutama membabitkan kanak-kanak setiap hari.

Karnival dan kolokium yang membawa tema Kethahaman dan Keberanian: Membangun Kembali Kehidupan Pasca Kanser Kanak-Kanak itu, mencegah perjalanan rawatan pesakit kanser kanak-kanak yang pulih termasuk cabaran dihadapi pesakit dan keluarga.

Pada majlis itu Lukanisman menyampaikan anugerah wira National Childhood Cancer Alliance (NCCA) kepada golongan profesional dan sukarelawan bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka dalam meringankan beban pesakit kanser kanak-kanak dan keluarga mereka.

Lukanisman menyeru sektor korporat bekerjasama bersama KKM dalam meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penyakit kanser kanak-kanak.

"Pesakit kanser kanak-kanak perlu diberi perhatian seperti budak biasa lain baik dari segi kasih sayang dan pembelajaran. Diharapkan pejuang kanser ini menunjukkan kepada orang lain bahawa kanser bukan pengakhiran," katanya.

AKHBAR : METRO AHAD  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : LOKAL

## Penjualan vape semakin berleluasa di sekitar Johor

**Johor Bahru:** Penjualan rokok elektronik atau vape di negeri ini dilihat semakin berleluasa termasuk di kedai runcit di kawasan perumahan biarpun Kerajaan Negeri Johor mengekalkan larangan penjualannya sejak 1 Januari 2016.

Mendedahkan perkara itu, Presiden Pemuda Puteri Malaysia Bersatu (Perrimau) Mohd Ridhwan Othman berkata, penjualan vape di negeri ini dilihat tidak terkawal seterusnya memudahkan golongan tertentu seperti kanak-kanak dan remaja mudah terjebak dengan penggunaannya.

Mohd Ridhwan berkata, selain kedai runcit, vape kini boleh diperoleh di lokasi seperti kedai kosmetik serta telekomunikasi.

"Pada 2016, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar mlarang penjualan vape di negeri ini. Namun kini, ia umpama bebas dijual dan tidak seperti bahan larangan lagi di Johor.

"Kita semua tahu, vape juga mendatangkan kesan sampingan sama ada kepada penghisap maupun individu sekeliling.

"Kandungan bahan seperti propylene glycol, glycerin, bahan perasa, logam berat dan partikel ultra halus boleh membahayakan kesihatan.

"Propylene glycol juga boleh menyebabkan iritasi kepada mata, tekak dan saluran pernafasan manakala untuk kesan jangka panjang, ia boleh menyebabkan asma," katanya.

Mohd Ridhwan berkata,



VAPE mudah diperoleh di kedai kosmetik serta telekomunikasi pada harga mampu milik.

penggunaan vape yang berlebihan juga dibimbangi boleh menjadi punca bermula penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat.

Katanya, jika sebelum ini ada operasi dan rampasan

dilakukan pihak berkuasa di negeri ini namun kini, pengukuaasan terhadap larangan penjualan vape dilihat semakin kabur.

Menurutnya, pembekal vape mengaut keuntungan dengan membekal-

kan produk yang tidak diketahui tahap keselamatan mahupun kandungannya.

"Kita tidak mengetahui cara pembuatan mahupun kandungannya, mungkin ia boleh mengakibatkan kata-



Kita semua tahu, vape juga mendatangkan kesan sampingan sama ada kepada penghisap maupun individu sekeliling"

Mohd Ridhwan



BALAMURALI

pa dan Guru (PIBG) sebuah sekolah di bandar raya ini, B Balamurali berkata, vape mudah didapati termasuk di pasar malam pada harga murah.

Menurutnya, ia mengakibatkan pelajar mudah mendapatkan bekalan vape malah ada yang membawanya ke sekolah.

"Saya dapat, ada dalam kalangan remaja berusia 13 tahun ke atas membeli vape dengan menggunakan wang poket diberikan ibu bapa.

"Antara puncanya ialah akibat pengaruh rakan sebaya selain kurang pemantauan daripada ibu bapa," katanya.

gihan selain merosakkan sistem tubuh.

"Ia boleh menimbulkan lebih banyak gejala negatif kepada anggota masyarakat, khasnya golongan muda," katanya.

Sementara itu, Naib Yang Dipertua Persatuan Ibu Ba-



## Johor catat satu lagi kes penyakit paru-paru

**Johor Bahru:** Johor mencatat satu lagi kes penyakit paru-paru iaitu *E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury* (Evali) yang berpunca daripada rokok elektronik termasuk vape, direkodkan pada tahun lalu.

Pengerusi Jawatankua-

sa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon (**gambar**) berkata, kes berkenaan dimaklumkan oleh pusat perubatan swasta.

Beliau berkata, penjualan vape masih dilarang di negeri ini dan pihaknya menasihati penjual supa-

ya tidak melakukan perbuatan menyalahi undang-undang.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga tidak pernah mengeluarkan lesen bagi penjualan vape.

"Kita hentikan aktiviti ini (jual vape). Kita juga

nasihat ibu bapa supaya memantau anak-anak supaya mereka tidak menggunakan vape.

"Bagi generasi muda, saya nasihat mereka supaya menjalani aktiviti sihat serta berfaedah demi menjaga kesihatan," katanya.

AKHBAR : METRO AHAD

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

## *Kes demam denggi catat peningkatan*

**Putrajaya:** Jumlah kes demam denggi meningkat kepada 3,572 kes pada Minggu Epidemiologi ke-08 (MEO8) 2024 iaitu bagi tempoh 18 Februari hingga 24 Februari berbanding 3,483 kes pada minggu sebelumnya dengan dua kematian akibat komplikasi dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dalam kenyataan berkata, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan hingga MEO8 ialah sebanyak 29,113 kes berbanding 17,388 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Beliau berkata, terdapat 16 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 14 kematian bagi tempoh yang sama pada 2023.

Dari segi bilangan loka-

lit hotspot, beliau berkata jumlahnya meningkat kepada 196 berbanding 185 pada minggu sebelumnya dengan jumlah tertinggi dicatatkan di Selangor iaitu 155 lokality, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (16), masing-masing lapan di Perak dan Negeri Sembilan, Pulau Pinang (tiga), Sabah (dua) serta masing-masing satu di Kedah, Johor, Melaka dan Pahang.

Dr Muhammad Radzi berkata, bagi surveyan chikungunya, terdapat dua kes direkodkan pada MEO8 dan jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini ialah enam kes, manakala bagi surveyan zika, sebanyak 361 sampel darah telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

**AKHBAR : KOSMO AHAD**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NEGARA**

## 'Bekalan darah lebih tapi jaga-jaga'

**PETALING JAYA** — Negara memerlukan kira-kira 500,000 beg darah setahun atau 2,000 beg darah sehari untuk pesakit memerlukan dan jumlah itu boleh ditampung berikutkan bekalan sedia ada melebihi keperluan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, berdasarkan bekalan sedia ada, lebih 800,000 beg darah berjaya dikumpulkan untuk keperluan rakyat Malaysia.

"Namun, kita tidak mahu selepas sebab dalam keadaan tertentu, kita memerlukan (bekalan darah). Jadi kita sentiasa menjalankan kempen derma darah ini."

"Pastinya kita mahu mereka yang mula menderma menjadi penderma tegar. Adalah sangat baik kerana inilah wira-wira yang kita harapkan, wira yang tidak didendang," katanya pada Majlis Perasmian Suite Derma Darah St. John Ambulans Malaysia (SJAM) di pusat beli-belah One Utama, Bandar Utama, di sini semalam.

Beliau berkata, pada masa ini, nisbah penderma darah negara ialah 23 penderma dengan 1,000 penduduk, namun ia perlu ditingkatkan kepada 30 hingga 35 penderma menjelang 2030.

Katanya, sehubungan itu, usaha menggalakkan pendermaan darah

perlu ditingkatkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat terutama golongan muda.

"Jadi kita kena gembleng usaha, berganding bahu bersama pelbagai pihak dalam meningkatkan kesedaran menderma darah. Malah, kerjasama turut dialu-alukan termasuk menawarkan premis atau ruang seperti di pusat beli-belah untuk derma darah.

"Pembukaan tempat menderma di pusat beli-belah bukan sahaja dapat memberi pendidikan, tapi menggalakkan masyarakat setempat terutama belia untuk menjadi penderma tegar yang komited dan konsisten," katanya.



**DR. DZULKEFLY (kanan)** beramah mesra dengan penderma darah pada Majlis Perasmian Suite Derma Darah St. John Ambulans Malaysia, di One Utama, Petaling Jaya semalam.

## Golongan berisiko kurangkan aktiviti luar ketika cuaca panas

**PETALING JAYA** — Golongan berisiko antaranya warga emas dan kanak-kanak dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti-aktiviti di luar rumah dalam keadaan fenomena cuaca panas melanda negara ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu

Hassan berkata, dalam masa sama, orang awam terutama yang tinggal di kawasan dengan suhu tinggi, digalakkan meminum air dengan banyak.

"Ibu panas di beberapa tempat sekarang ini dan kita nasihatkan orang awam elakkan pendedahan terhadap cuaca

panas dengan mengurangkan aktiviti di luar. Kalau perlu, pastikan pakai pakaian sesuai supaya tidak terdedah dengan suhu panas.

"Kita nasihatkan banyak minum air terutama di kawasan yang mengalami suhu tinggi dan penting sekali adalah golongan

berisiko terutama orang tua dan kanak-kanak yang berisiko kepada haba ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Suite Derma Darah St. John Ambulans Malaysia di pusat beli-belah One Utama, Bandar Utama, di sini semalam.

Semalam media melaporkan, Kementerian Kesihatan merekodkan 13 kes berkaitan cuaca panas sejak minggu pertama hingga kesembilan tahun ini.

Daripada jumlah itu, sebanyak empat kes membabitkan strok haba dan sembilan kerana kelesuan haba.

AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA

## Bazar Ramadan berisiko sumbang peningkatan kes denggi

**ISKANDAR PUTERI** – Pengangur dan peniaga bazar Ramadan di negeri ini diingatkan supaya sentiasa menitikberatkan isu penjagaan kebersihan yang dikhutir berisiko menyumbang kepada peningkatan kes denggi.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr. Mohtar Pungut@Ahmad berkata, longgokan sampah dan bekas sisa makanan perlu diuruskan dengan baik supaya tidak menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

Katanya, penduduk setempat juga perlu memainkan peranan dan bersama-sama menjaga kebersihan di tempat tinggal dan kawasan sekeliling membantu membasmi kes denggi.

"Jika kita lihat, trend (peningkatan kes jangkitan demam denggi) dalam tempoh awal tahun ini,

memang lebih tinggi berbanding sebelum ini.

"Justeru, seluruh masyarakat perlu sama-sama menjaga kebersihan di kawasan kita, kadang-kadang kita nampak tempat kawasan sekitar kita bersih tetapi rupa-rupanya ada 'pocket air' di sampah-sampah dan tempat yang bertakung," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 Peringkat Negeri Johor di sini semalam.

Daerah yang mencatatkan kes tertinggi bagi pada Minggu Epid 07/2024 adalah Johor Bahru iaitu sebanyak 320 kes.

Mengulas lanjut, Dr. Mohtar berkata, antara penyumbang lain peningkatan wabak denggi ini didorong oleh banyak faktor

termasuk pergerakan manusia selain faktor cuaca.

Katanya, pembiakan nyamuk aedes ini hanya memerlukan satu sudu air jernih sudah mencukupi untuk membiak dengan pantas dalam tempoh seminggu.

Terdahulu, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon sebelum ini dilaporkan berkata, kumulatif kes denggi di Johor mencatatkan peningkatan 157 peratus pada minggu epidemiologi ke 07/2024 tahun ini dengan 2,555 kes direkodkan berbanding 994 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, daripada jumlah kes dilaporkan, sebanyak 966 kes adalah dari lokaliti wabak dan 1,589 kes pula dari lokaliti bukan wabak.



DR. MOHTAR melawat reruai pameran sempena Majlis Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 Peringkat Negeri Johor di Iskandar Puteri semalam.

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NASIONAL

# Malaysia pertimbang idea miliki hospital lengkap 5G

Kemudahan teknologi bolehkan inovasi rawatan pesakit, tingkat kecekapan sektor kesihatan

**Oslo:** Idea memiliki hospital dilengkapi kemudahan rangkaian bersepadu 5G dan teknologi baharunya adalah aspek yang boleh dimanfaatkan Malaysia bagi mempertingkat keupayaan rawatan serta pengajaran pesakit.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, kelmarin melawat Hospital Radium Norway di sini, iaitu tempat syarikat gergasi telekomunikasi Norway Telenor Group memperkenalkan penyelesaian dalam teknologi 5G dan kerjasama dengan hospital itu.

Ia bertujuan melaksanakan inovasi rawatan pesakit dan membangunkan solusi kesihatan bagi meningkatkan kecekapan.

Fahmi berkata, penyedia perkhidmatan telekomunikasi boleh membabitkan diri dalam perkongsian bersama swasta awam, dan mereka bersedia untuk bekerjasama dengan hospital bagi menawarkan perkhidma-



Fahmi melawat bilik pembedahan berteknologi tinggi di Hospital Radium Norway, Oslo.

(Foto BERNAMA)

tan baharu atau menghasilkan penyelesaian baharu.

"Jenis penyelesaian yang mereka ada di sini ialah membawa hospital kepada pesakit, tidak semestinya membawa pesakit ke hospital dan idea untuk mempunyai dua rangkaian - rangkaian berasaskan IP konvensional dan rangkaian asas 4G/5G.

"Ada banyak pandangan dalam perkara ini dan saya amat bersemangat melihat penggunaan teknologi 5G seperti ini dilaksanakan di sini," katanya kepada BERNAMA selepas lawatan itu.

#### Buka peluang baharu

Rangkaian khusus 5G antara lain membuka peluang baharu seperti penyelesaian Internet

Kebendaan (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) sambil membawa gambaran keseluruhan yang lebih baik mengenai pesakit, selain akses lebih pantas dalam keputusan ujian untuk pengamal.

Ia juga membuka peluang dalam penjagaan kesihatan masa depan seperti pembedahan bantuan jarak jauh dan sebagainya.

Fahmi berkata, perkara itu akan dibawa ke Kementerian Peendidikan Tinggi dan Kementerian Kesihatan untuk melihat aspek yang boleh dilakukan bersama.

Sementara itu mengulas lawatan kerjanya ke Norway pula, Fahmi berkata, pembabitan lebih meluas diperlukan dengan rakan kongsi di seluruh dunia, seperti

Telenor untuk mempelajari kaedah lebih baik menggunakan teknologi baharu dan baru muncul.

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Telenor dan Timbalan Ketua Asia, Håkon Bruaset Kjell, percaya kepentingan 5G dan peluang yang dibawa teknologi adalah sama penting dengan membangunkan perkongsian awam-swasta yang kukuh.

"Ini menunjukkan 5G juga sama penting bagi sektor awam. Kes penggunaan yang kita lihat hari ini, untuk hospital juga dapat mengurangkan kos dan meningkatkan keselamatan terhadap data yang telah dikumpul untuk merawat pesakit dengan lebih baik," katanya. BERNAMA

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NASIONAL

## Orang ramai dinasihat had aktiviti luar elak strok haba

**Petaling Jaya:** Orang ramai termasuk pelajar sekolah yang akan memulakan sesi persekolahan minggu hadapan dinasihatkan mengurangkan pendedahan kepada cuaca panas dalam tempoh lama bagi mengelak risiko diserang strok haba.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) juga menasihatkan orang ramai supaya mengehadkan aktiviti di luar berikutan cuaca panas ketika ini.

"Jika perlu berada di luar, mereka dinasihatkan memakai pakaian yang sesuai supaya tidak terdedah dengan cuaca yang panas ketika ini," katanya di sini, semalam.

### Lebihkan minum air

Dr Muhammad Radzi berkata, golongan warga emas dan kanak-kanak dan mereka yang mempunyai penyakit kronik adalah golongan yang berisiko jika terdedah berterusan kepada matahari, terutama pada tengah hari dan petang.

"Banyakkan minum air kerana hidrasi boleh mendatangkan masalah kesihatan kepada seseorang," katanya.

Beliau berkata, pemakaian yang sesuai juga penting untuk mengurangkan risiko strok haba dalam kalangan golongan yang berisiko tinggi.

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM, swasta adakan program galak belia derma darah

**Petaling Jaya:** Kesedaran terhadap kepentingan menderma darah akan ditingkatkan menerusi kerjasama Kementerian Kesihatan dengan pihak swasta dan sektor korporat, termasuk menarik minat belia untuk menjadi penderma tegar.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pelbagai program kesedaran akan dianjur menerusi kerjasama strategik itu.

"Kita memerlukan 2,000 beg darah sehari tetapi kita dapat mengumpulkan lebih 800,000 beg setahun dengan penggunaan 500,000 beg.

"Kita mempunyai lebihan bekalan tetapi tidak mahu selesa sebab ada masanya kita memerlukan bekalan dalam jumlah tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Suite Darah St John Ambulans Malaysia di pusat beli-belah 1Utama, di sini semalam.

### 700 beg darah diperlukan

Mengenai bekalan darah menjelang Ramadan, Dr Zulkefly mengakui jumlah penderma darah sedikit terjejas tetapi tidak menggandalakan kerana amalan menderma darah merentasi kaum dan agama.

"Tidak ada masalah daripada sudut hukum untuk menderma darah dalam bulan puasa cuma syaratnya perlu sihat. Mengikut pengalaman, waktu operasi di sesetengah pusat derma darah akan dilanjutkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pendermaan Darah Pusat Darah Negara, Dr Thane Moze Darumalinggam, berkata sebanyak 600 hingga 700 beg darah diperlukan setiap hari di Lembah Klang.

"Keperluan darah negara bukan sahaja untuk mangsa kemalangan jalan raya tetapi juga pesakit yang bergantung kepada pemindahan darah.

"Setiap tahun, keperluan bekalan darah negara meningkat sebanyak 10 hingga 15 peratus," katanya.

Dr Dzulkefly Ahmad



AKHBAR : METRO AHAD  
MUKA SURAT : 36  
RUANGAN : SIHAT

3 MAC 2024



IMBASAN sinar X-ray dilakukan jika ada gumpalan cecair akibat saluran darah yang rosak akibat denggi.

## TIGA FASA DENGGI

Bermula dengan demam, kemudian tahap kritis berkemungkinan alami gangguan peredaran darah sebelum pulih selepas gejala beransur hilang

Oleh Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediaprime.com.my

Jangkitan denggi menjadi iguan ngeri kepada mereka yang pernah merasai pengalamannya kerana ia memberi kesan buruk kepada tahap kesihatan si pesakit.

Pertambahan kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara baru-baru ini meningkatkan

kesedaran awam untuk terus berwaspada terhadap tanda-tanda amaran yang berkaitan penyakit itu.

Pakar Perubatan Kecemasan dari Pusat Perubatan Sunway, Dr Aaron Lai Kuo Huo berkata, kepentingan pengesaman awal jangkitan dengan bagi memudahkan rawatan segera dan mengurangkan risiko komplikasi yang mungkin berlaku.

"Menurut Panduan Amalan Klinikal Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai pengurusan jangkitan denggi, antara tanda amaran yang perlu diperhatikan dan dipantau rapi adalah sakit perut, muntah berterusan melebihi tiga kali sehari, cirir-birit berterusan melebihi tiga kali sehari, mengantuk, sukar bernafas,

gusi atau hidung berdarah serta najis berwarna hitam.

"Pesakit perlu segera mendapatkan rawatan perubatan di jabatan kecemasan atau klinik pengamalan am (GP) bergantung kepada tahap keterukan dan kebolehcapaian," katanya.

Bagaimanapun, sekiranya mengalami sebarang gejala atau tanda amaran

yang teruk atau pesakit tergolong dalam kumpulan yang berisiko dijangkiti denggi, mereka perlu mengutamakan rawatan perubatan di jabatan kecemasan di hospital.

"Gejala utama dengan yang lain ialah sakit kepala, sakit badan, ruam dan sakit di belakang mata. Walaupun simptom ini mungkin

menyamai penyakit biasa yang lain seperti selesema, kebiasaannya pesakit denggi turut mengalami sakit otot dan sendi yang lebih teruk serta boleh menyebabkan komplikasi lebih kronik seperti denggi berdarah (DHF) atau sindrom kejutan dengan (DSS).

**AKHBAR : METRO AHAD**  
**MUKA SURAT : 37**  
**RUANGAN : SIHAT**

"Ciri-ciri DHF dan DSS adalah pendarahan dalam yang teruk, kiraan platelet yang rendah, kebocoran plasma dan kerrosakan organ. Proses diagnostik biasa untuk demam dengan membatikan kombinasi penilaian klinikal dan ujian makmal.

"Terlebih dahulu, doktor akan menilai simptom pesakit yang biasanya dikaitkan dengan denggi dan sama ada pesakit tinggal di kawasan endemik denggi atau pernah mengunjungi kawasan wabak denggi dalam masa terdekat," katanya.

Katanya, doktor akan menilai status hemodinamik pesakit dan memeriksa tanda-tanda komplikasi pendarahan akibat denggi. Oleh kerana diagnosis klinikal dengan tidak spesifik, maka diagnosis definitif dengan mengambil pengesahan makmal.

"Ujian makmal yang tersedia untuk diagnosis denggi termasuk ujian pengesanan pantas denggi (Antigen Denggi NS1, antibodi IgM/IgG Denggi), ujian serologi denggi (digunakan untuk mengenal pasti antibodi melawan denggi) dan pengesanan RNA virus denggi (digunakan untuk mengesan bahan genetik, RNA virus denggi dalam darah).

"Ujian darah lain yang sering dilakukan ialah kiraan darah penuh untuk mengetahui kiraan platelet, sel darah putih, paras hematokrit dan sel darah merah.

"Kiraan platelet dan bilangan sel darah putih yang rendah adalah sesuatu yang biasa berlaku apabila

**SEMBURAN kabus**  
 antara dilakukan jika ada kawasan yang mempunyai kes dengan yang tinggi.




FOTO | SUMBER PEXELS

mengalami denggi. Ujian fungsi buah pinggang atau fungsi hati juga boleh dilakukan untuk memeriksakan kerrosakan organ terutama dalam kes dengan yang teruk," katanya.

Katanya, dalam kes dengan yang teruk, imbasan sinar-X pada bahagian dada atau pengimajian ultrabunyi (point-of-care ultrasound) pada anggota badan lain akan dilakukan untuk mengesan

DENGGI berasal dari pembawaan nyamuk aedes



**Fasa demam iaitu demam yang berlanjutan selama tiga hingga lima hari.**  
**Dalam fasa ini, pesakit akan mengalami demam dan sakit sendi, sakit otot, sakit kepala serta gejala lain**

**DR AARON**

sekiranya ada pengumpulan cecair akibat saluran darah yang rosak serta menilai tahap kerrosakan organ.

"Melalui penilaian klinikal dan ujian makmal, doktor boleh memastikan kebarangkalian jangkitan denggi, fasa jangkitan denggi dan tahap keterukan penyakit itu.

"Fasa demam iaitu demam yang berlanjutan selama tiga hingga lima hari. Dalam fasa ini, pesakit akan mengalami demam dan sakit sendi, sakit otot, sakit kepala serta gejala lain," katanya.

Tambahnya, perubahan-paling ketara dalam kiraan darah lengkap ialah penurunan mendadak kiraan sel darah putih, diikuti dengan pengurangan paras platelet.

Selepas itu, pesakit mungkin memasuki Fasa Kritis yang boleh bertahan antara 48 hingga 72 jam.

"Pada peringkat ini, pesakit mungkin mengalami gangguan peredaran darah yang berbeza-beza. Dalam kes yang teruk, pesakit akan mengalami komplikasi serius seperti pendarahan dalam, pembentukan lebur cecair dalam paru-paru atau perut, tekanan darah rendah, kegagalan buah pinggang dan hati serta koma sehingga boleh menyebabkan kematian.

"Bagaimanapun, dalam kes ringan, pesakit selanjutnya tidak mengalami sebarang peredaran darah yang luar biasa dan akan pulih dengan sendirinya.

"Selesa Tahap Kritis, pesakit akan melalui Fasa Pemuliharaan apabila gejala denggi beransur hilang, manakala kiraan platelet darah dan sel darah putih kembali normal," katanya.

Jelasnya, pesakit yang dijangkiti virus denggi perlu dirujuk kepada fasiliti penjagaan kesihatan bagi mendapatkan diagnosis yang tepat dan memberikan rawatan betul.

"Sebagai contoh, pesakit yang mengambil ubat anti-radang bukan steroid (NSAID) seperti aspirin dan maslin mengambilnya biarpun selepas dijangkiti denggi, berpotensi meningkatkan risiko pendarahan."

"Segera merujuk doktor untuk mengharungi fasa yang mencabar itu," katanya.

Dr Aaron menjelaskan, faktor iklim seperti suhu dan taburan hujan memainkan peranan penting dalam pola jangkitan denggi di Malaysia. Sebagai langkah mitigasi daripada mendapat denggi, terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan berisiko tinggi, Dr Aaron mengesyorkan penggunaan ubat nyamuk yang mengandungi diethyltoluamide (DEET) dan memasang kelambu atau skrin ketika tidur.

"Menghapuskan sumber air yang bertakung adalah penting kerana kawasan ini boleh menjadi tempat pembibitan nyamuk. Selain itu, pakai pakaian berlengan panjang dan jaga kebersihan persekitaran tempat tinggal kita," katanya.

**SAKIT perut dan cirit-birit perlu dipandang serius kerana boleh menjadi sebab dijangkiti denggi.**



**AKHBAR : SINAR AHAD**  
**MUKA SURAT : 4**  
**RUANGAN : NASIONAL**

## 2,000 beg darah diperlukan setiap hari - Dr Dzulkefly

**PETALING JAYA** - Negara masih memerlukan sekurang-kurangnya 2,000 beg darah secara purata setiap hari untuk memastikan stok bekalan darah mencukupi bagi menghadapi sebarang kemungkinan pada masa depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sehubungan itu, kementeriannya akan memperhebat usaha mempromosikan kempen derma darah dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN) dan St John Ambulans Malaysia (SJAM).

"Walaupun kita mempunyai lebihan bekalan darah, kita tidak mahu selesa, (kerana) kita tahu mungkin dalam situasi atau keadaan tertentu bekalan darah yang lebih akan diperlukan, jadi kita sentiasa bantu kempen derma darah ini," katanya selepas merasmikan Suite Derma Darah SJAM yang pertama di

pusat beli-belah 1 Utama di sini pada Sabtu.

Mengulas tentang aktiviti menderma darah pada Ramadan, Dr Dzulkefly berkata, walaupun kebiasaannya menyaksikan penurunan angka penderma darah, perkara itu tidak akan menjelaskan operasi perolehan darah secara keseluruhan.

"Aktiviti derma darah merentasi kaum dan agama, lagipun tidak ada masalah dari sudut hukum agama untuk menderma darah (ketika berpuasa), paling penting seseorang itu sihat, itu syarat utama," katanya.

Sementara itu, Ketua Seksyen Pengurusan Penderma Bahagian Perolehan Darah PDN, Dr D Thane Moze menyeru anak-anak muda dari usia 17 tahun untuk tampil menderma darah.

Beliau berkata, ini kerana generasi



Dr Dzulkefly (kanan) beramah mesra dengan penderma darah sempena Majlis Perasmian Suite Derma Darah St. John Ambulans Malaysia 1 Utama Shopping Centre pada Sabtu.

usia pertengahan hingga ke usia emas kebanyakannya mempunyai masalah kesihatan yang menyebabkan mereka tidak lagi sesuai menderma darah.

"Kriteria kelayakan penderma darah sedikit ketat bagi memastikan pen-

derma dan penerima selamat. Kami ingin galakkan lebih ramai golongan muda dari usia 17 tahun tampil menderma.

"Mereka boleh datang bersama ibu bapa atau penjaga," katanya. - Bernama

**AKHBAR : SUNDAY STAR**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NATION**

## Ministry exploring 5G integration in healthcare

**OSLO:** The idea of having a hospital equipped with an integrated 5G network and its emerging technologies is something Malaysia could leverage to enhance patient treatment and teaching capabilities, says Communications Minister Fahmi Fadil.

On Friday, the Minister visited Norwegian Radium Hospital here, where Norway's telecommunications giant, the Telenor Group, showcased a dedicated 5G indoor solution and how, together with the hospital, they are innovating patient treatment and developing healthcare solutions for increased efficiency.

Fahmi said telecommunication service providers could engage in a private-public partnership if they are prepared to work together with hospitals to offer new services or to come up with new solutions.

"The kind of solutions they have here is to bring the hospital to the patients, not necessarily to take patients to the hospital, and the idea of having two networks - the conventional IP-based network and 4G/5G base network."

"There is a lot of thinking that went into this and I am very encouraged to see this kind of 5G use case being implemented here," he told Bernama after the visit.

The 5G dedicated network, among other things, unleashes new opportunities like the Internet of Things (IOT) and artificial intelligence (AI) solutions while providing a better overview of inpatients as well as faster access to test results for practitioners.



**Interesting information:**  
Fahmi (third from right) listening to a briefing during his visit to the teaching hospital's high-tech operating room equipped with an integrated 5G network that is still under construction.  
— Bernama

It also opens up the opportunity for future healthcare solutions, such as remote assisted surgery in teaching hospitals to enhance the learning experience and capabilities of medical practitioners.

Fahmi said he would raise the matter with Malaysia's Higher Education Ministry and the Health Ministry to see what could be done.

Meanwhile, commenting on his working visit to Norway, Fahmi said that further engagement is needed with partners across the world, such as Telenor, to learn better ways of using new and emerging technologies.

"Overall, the visit here has been very eye-opening because many of the solutions that we see here

are either on the verge of being implemented or already implemented.

"I also had the opportunity to learn more about Telenor's operations and also the challenges ... the kind of opportunities that are presented."

"As a nation we must be open to these opportunities," Fahmi said.

Meanwhile, Telenor senior vice president and deputy head of Asia, Hakon Brusaset Kjol, believes that the significance of 5G and the opportunities the technology brings is equally as important as developing strong public-private partnerships.

"This shows that 5G can be equally important for the public sector. The use cases we see today,

for the hospital, also provide cost reduction and increased security around the data it gathers to treat its patients better," he said.

Kjol also noted that the partnership that needs to be forged between the government and private industry as well as other players in the ecosystem is important.

This includes having open dialogue to ensure that we get the right regulations in place, he added.

"Telenor is happy to continue the dialogue initiated during the minister's visit and share more of its solutions to the 5G network implementation in advanced markets in future, including through CelcomDigi Bhd," he added.